

14/09/2000

PM akan temui Suqiu bincang isu tuntutan Jumaat

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) berhubung isu 17 tuntutan yang dibangkitkan kumpulan itu, Jumaat ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata perkara itu diberitahu sendiri oleh Perdana Menteri dalam satu pertemuan tertutupnya dengan beliau hari ini.

Beliau menemui Perdana Menteri untuk memberikan penjelasan mengenai isu Suqiu pagi ini dan Dr Mahathir sendiri menyatakan hasrat bertemu sendiri kumpulan berkenaan.

"Dr Mahathir ingin menerangkannya sendiri dan saya rasa ia sangat baik kerana beliau boleh meluahkan terus dari hatinya sendiri mengenai pandangan dan pendirian beliau mengenai isu berkenaan dalam pertemuan mereka, Jumaat ini," katanya di sini, hari ini.

Sebelum ini, Dr Mahathir pernah menyifatkan tindakan Suqiu menyamai kumpulan komunis dengan cuba menyakiti hati orang tertentu supaya perasaan perkauman dihidupkan semula.

Isu Suqiu tercetus apabila kumpulan berkenaan memperbaharui semula 17 tuntutan pilihan raya umum lalu, yang antara lain meminta dimansuhkan perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam semua bidang.

Sementara itu, Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Zaharah Shaari, yang baru kembali dari India berjaya menambah laluan Penerbangan Malaysia (MAS) ke India selepas mengadakan dua pertemuan dalam tempoh dua minggu dengan Kementerian Penerbangan Awam India, baru-baru ini.

Katanya, dalam pertemuan itu, kedua-dua pihak bersetuju mewujudkan laluan baru dengan empat penerbangan MAS ke Mumbai setiap minggu, ke Banglore dua penerbangan seminggu dan satu penerbangan ke Hyderabad.

Penerbangan ke Delhi sebanyak dua kali seminggu ditambah kepada empat penerbangan seminggu manakala penerbangan tujuh kali seminggu ke Chennai (Madras) dikekalkan.

Beliau berkata, tambahan laluan dan penerbangan itu adalah untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong dari India ke negara ini serta menghubungkan bandar-bandar utama di India.

Katanya, penambahan penerbangan itu dijangka bermula awal Oktober ini dan bergantung kepada penjadualan semula, pengiklanan dan sebagainya yang perlu diselesaikan MAS.

Mengenai rungutan kenaikan tambang penerbangan MAS, Dr Ling berkata, ia adalah bidang kuasa MAS dan pihaknya turut diberitahu MAS bahawa kebanyakan syarikat penerbangan sudah menaikan tambang penerbangan mereka.

Ketika ini, kenaikan tambang penerbangan bukan saja membabitkan laluan ke India tetapi juga membabitkan laluan seperti ke Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan dan Hong Kong.

"Dakwaan sesetengah pihak bahawa hanya penerbangan ke Chennai dinaikkan adalah tidak benar. Ia turut membabitkan penerbangan ke rantau lain," katanya.

(END)